

Isa Samad dihukum 6 tahun penjara, denda RM15.45 juta

Bekas Pengerusi FELDA didapati bersalah kes rasuah RM3 juta beli hotel

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my



Mohd Isa ditemani isteri hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Kuala Lumpur: Bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, dijatuhi hukuman penjara enam tahun dan denda RM15.45 juta selepas didapati bersalah terhadap tuduhan menerima rasuah RM3 juta berkaitan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, tujuh tahun lalu.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, menjatuhkan hukuman penjara masing-masing enam tahun bagi sembilan pertuduhan terhadap Mohd Isa, 72, menjadikan keseluruhan tempoh hukuman adalah 54 tahun.

Bagaimanapun, hakim memerintahkan hukuman penjara dilaksanakan serentak yang bermakna Mohd Isa hanya menjalani hukuman enam tahun.

Mohd Nazlan berkata, pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Mahkamah turut memerintahkan Mohd Isa menjalani tambahan hukuman penjara masing-masing dua tahun jika gagal membayar denda berkenaan.

Sementara itu, mahkamah juga membenarkan penang-

guhan pelaksanaan hukuman penjara dan denda sehingga keputusan rayuan kes dan menaikkan jumlah jaminan kepada RM1.5 juta daripada RM800,000.

Mahkamah memberi masa sehingga jam 2 petang ini untuk tertuduh membayar tambahan wang jamin dan turut memerintahkan tertuduh melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan sehingga tamat rayuan.

Mohd Isa melalui imej pautan video di mahkamah dilihat tenang dan hanya mendiamkan diri di kandang tertuduh sebaik hakim membacakan keputusannya.

Hanya isteri dan anak lelaki beliau dibenarkan memasuki kamar mahkamah dan mengikuti prosiding itu susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Polis membuat kawalan ketat di sekitar mahkamah dan orang-

awam yang tidak mempunyai urusan tidak dibenarkan masuk ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

Hanya 15 petugas media dibenarkan membuat liputan kes melalui pautan video di bilik berasingan.

Terdahulu, Mohd Nazlan dalam penghakimannya, berkata pihak pembelaan gagal mematahkan anggapan di bawah Seksyen 50 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas imbalan kebarangkalian bahawa penerimaan wang suapan oleh tertuduh seperti dalam sembilan pertuduhan adalah dilakukan secara rasuah sebagai upah membantu menguruskan pembelian hotel berkenaan.

Hakim juga berkata, naratif dibangkitkan pembelaan bahawa wang suapan sebenarnya dikeluarkan atas rancangan konspirasi oleh saksi pendakwaan

ke-15, 16, 17 dan 21 atas dasar keperluan untuk dana politik yang sebenarnya diseleweng oleh mereka yang berkomplot, berkongsi habuan komisen daripada penjualan hotel berkenaan dan menjadikan tertuduh sebagai mangsa adalah tidak ada merit.

“Mahkamah tidak menerima teori ini, tiada keterangan yang membayangkan perkara ini sebenarnya sudah berlaku,” katanya.

Mohd Nazlan berkata, mahkamah mendapati pembelaan tertuduh bersifat pemikiran terkemudian, tidak konsisten dan hanya penafian tanpa sokongan yang berasas atau boleh dipercayai.

“Mahkamah juga mendapati pembelaan tertuduh dalam konteks keseluruhan keterangan kes juga gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah,” katanya.

9 TUDUHAN TERHADAP TAN SRI MOHD ISA ABDUL SAMAD

- Menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM100,000 daripada Ikhwan Zaidel iaitu Lembaga Pengarah Syarikat Gagasan Abadi Properties Sdn Bhd melalui Muhammad Zahid Md Arip sebagai upah membantu meluluskan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak, oleh FELDA Investment Corporation Sdn Bhd yang bernilai RM160 juta antara 21 dan 28 Julai 2014.
- Didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM140,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama di tempat dan tarikh sama.
- Didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM300,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama, antara 17 dan 24 Oktober 2014.
- Didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM250,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama, antara 15 dan 22 November 2014.
- Didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM500,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama, antara 25 dan 27 Jun 2015.
- Didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM500,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama, antara 9 dan 15 Julai 2015.
- Didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM300,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama, antara 20 dan 27 Ogos 2015.
- Didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM500,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama, antara 12 dan 15 September 2015.
- Isa Samad didakwa menerima suapan untuk dirinya iaitu wang tunai RM500,000 daripada Ikhwan melalui Muhammad Zahid untuk tujuan sama, antara 4 dan 11 Disember 2015.

Semua kesalahan dilakukan di Tingkat 49, Menara FELDA, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Nota: Mahkamah pada 16 Jun 2020 melepas dan membebaskan Mohd Isa daripada tuduhan pecah amanah dengan meluluskan cadangan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suit di Kuching Sarawak dengan harga RM160 juta tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah FELDA sebelum ini bagi tuduhan pertama.